



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **EKSEKUTIF (GRED E41)**
2. Penempatan : Bahagian Dasar dan Pembangunan
3. Bilangan kekosongan : Satu
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
 - Gaji Pokok : RM2,662.00
 - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
 - Elaun Sara Hidup : RM300.00
 - Elaun ITKA : RM300.00
6. Syarat Lantikan :
 - Ijazah Sarjana Muda Ekonomi atau Kewangan atau lain-lain ijazah yang berkaitan serta diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- memiliki pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

7. Diskripsi tugas :
- Menyediakan laporan analisis dan strategi pembangunan di dalam pelaburan hartanah dan perniagaan termasuk analisis kewangan bagi membiayai projek;
 - Membantu merancang dan melaksanakan program pembangunan wakaf dan bukan wakaf bagi tujuan menjana pendapatan kepada YWM;
 - Membantu merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal wakaf dengan kerjasama MAIN Negeri dan pihak berkaitan;
 - Membantu merancang dan menguruskan aset-aset wakaf dan bukan wakaf (hotel wakaf dan premis YWM) untuk menjana pendapatan YWM dan menyelenggara aset-aset wakaf dan bukan wakaf (hotel wakaf dan premis YWM) mengikut keperluan YWM;
 - Berkomunikasi dengan pihak berkaitan seperti pembekal, perunding, kontraktor atau pihak berkaitan; dan
 - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh pegawai yang berkeelayakan. Sila nyatakan jawatan dan penempatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:
Bahagian Pengurusan
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya.
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **23 Disember 2024 (Isnin)**.

CATATAN AM

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

PENAFIAN

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan maklumat dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.